

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 3 (2)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014/2014-2015)  
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

<b>Tarikh</b>	: 28 Januari 2015 (Rabu)
<b>Masa</b>	: 10.30 Pagi – 11.52 Pagi
<b>Tempat</b>	: Dewan Bunga Tanjung, <b>MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.</b>
<b>Hadir</b>	: Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Aznan bin Haji Hassan, Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Disember 2014 dan Januari 2015.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Beliau memulakan perutusan dengan ucapan salam kepada Semua Ahli Mesyuarat yang hadir.

Beliau turut mengucapkan Selamat Tahun Baru 2015 dan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja MBPJ di atas kerjasama dan komitmen kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) yang berkesan dan semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dan warga kerja Majlis sendiri.



Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua wargakerja juga Ahli-ahli Majlis memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan tahap profesionalisme yang lebih tinggi.

Beliau juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada mantan Datuk Bandar MBPJ, YBhg. Datin Paduka Alinah Ahmad dan semua mantan Ahli Majlis di atas khidmat bakti selama bertugas di MBPJ, dengan penuh dedikasi memberi perkhidmatan secara professional dan bertanggungjawab. Beberapa orang Ahli Majlis akan dilantik semula dalam tempoh terdekat ini.

Sepanjang perkhidmatan di MBPJ, YBhg. Datin Paduka telah mencetuskan idea-idea bernes untuk dijadikan sebagai inisiatif penambahbaikan perkhidmatan perbandaran. Inisiatif tersebut dirancang dan dilaksanakan sejajar dengan Perancangan Strategik 2030 yang telah digariskan dengan matlamat menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya yang berdaya huni dan disayangi dengan imej dan urus tadbir baik serta persekitaran yang harmoni dan sejahtera. Ini sejajar dengan prinsip “Cities For People” yang menekankan bukan sahaja kepada perancangan fizikal tetapi juga memberi tumpuan perancangan spiritual.

Pastinya, Majlis akan meneruskan usaha-usaha baik ini demi kesejahteraan masyarakat khususnya pembayar cukai di Petaling Jaya. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh YBhg. Datin Paduka Alinah seperti Pelan Strategik PJ Sustainable 2030, Perkhidmatan Bas Percuma *PJ City Bus*, Pelaksanaan Sistem Jalan Sehala dan *Park n Ride* akan diteruskan. Di samping itu, pendekatan Program Turun Padang Datuk Bandar yang mendapat reaksi baik penduduk juga akan diteruskan. Terdapat banyak lagi inisiatif-inisiatif beliau yang tidak dapat beliau sebutkan satu persatu dan semuanya akan dijadikan garis panduan dan hala tuju penambahbaikan perkhidmatan Majlis.

### 3.1 PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Berdasarkan pelbagai inisiatif tadbir urus Majlis, kita telah menerima beberapa pengiktirafan dan anugerah pada tahun lalu dari organisasi dalam dan luar negara, di antaranya ialah Penarafan 4 Bintang Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti 2013, Penghargaan PBT Prihatin Kategori Bandaraya Mesra OKU Sempena Sambutan Hari OKU Kebangsaan 2014, Certificate of Recognition for Outstanding Initiative on Urban Innovation for the 2<sup>nd</sup> Guangzhou International Award for Urban Innovation, Guangzhou Municipality, United Cities and Local Governments and World Association of Major Metropolises 2014 dan lain-lain pengiktirafan. Keseluruhannya Majlis telah menerima 14 pengiktirafan dan anugerah sepanjang tahun 2013 dan 2014.

Jelasnya, pengiktirafan yang kita terima perlu menjadi satu dorongan untuk warga kerja Majlis memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang. Justeru, kita perlu bekerja sebagai satu pasukan dengan saling menghargai kekuatan antara satu sama lain, mengamalkan komunikasi terbuka dan jujur serta menunjukkan kepercayaan dan rasa hormat antara Majlis dan *stakeholders*. Sikap dan nilai-nilai yang positif seperti progresif, proaktif, berkarakter dan positif hendaklah diamalkan di samping menghayati konsep atau falsafah, IDEALS iaitu Inovasi, Dedikasi, Efisyen, *Attitude*, *Leadership* dan *Speed*.

Perkembangan globalisasi sekarang ini telah memberi cabaran dan halatju baharu perkhidmatan awam dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sektor awam khususnya Pihak Berkuasa Tempatan kini berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk perkhidmatan perbandaran yang memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat. Justeru itu, kita semua mesti bekerja keras untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis dapat mencapai dan menepati kehendak masyarakat dan penduduk Petaling Jaya khususnya, serta rakyat Negeri Selangor dan Malaysia amnya.

### 3.2 KAWALAN PEMBANGUNAN

Pada bulan Disember 2014 yang lalu, negeri-negeri di Pantai Timur telah mengalami musibah banjir besar yang mengakibatkan kemusnahan harta benda yang begitu banyak. Majlis menzahirkan rasa simpati dan mendoakan kesejahteraan mangsa-mangsa banjir. Majlis juga telah menghantar bantuan misi kemanusiaan banjir berupa makanan dan barang-barang keperluan asas serta menyertai Kerajaan Negeri dalam misi pembersihan di Kelantan.

Susulan itu, YAB Dato Menteri Besar Selangor di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor memutuskan bahawa kelulusan setiap pembangunan akan dibuat dengan lebih berhati-hati sebagai iktibar daripada musibah banjir di Pantai Timur. Kelulusan perlu berpegang kepada prinsip pembangunan berkualiti dan peduli rakyat. Semua kelulusan perlulah mematuhi akta dan garis panduan yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri juga akan membentuk satu jawatankuasa bagi memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi. Dalam hal ini, di pihak Majlis sebarang permohonan kebenaran merancang hendaklah disemak dan dipertimbangkan dengan teliti dan serius dari pelbagai aspek termasuk sistem perparitan dan kolam tadahan air,

khususnya perancangan pembangunan di kawasan berisiko seperti cerun dan tanah tinggi.

### 3.3 **AMALAN BUDAYA MENYELENGGARA**

Dari segi pelaksanaan Bajet MBPJ 2015, saya ingin memaklumkan bahawa tiada sebarang perubahan atau rombakan terhadap bajet Majlis, meskipun di peringkat Kerajaan Persekutuan berlaku penstrukturran semula belanjawan. Pelaksanaan Bajet Majlis akan diteruskan seperti yang telah dirancangkan.

Perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya pembersihan longkang dan pemotongan rumput diberi keutamaan sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat Petaling Jaya. Sehubungan itu, pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang telah dilantik akan dipantau dengan teliti dan serius.

Majlis juga akan memberi tumpuan kepada iltizam untuk meningkatkan budaya menyelenggara dengan memberi fokus kepada perkhidmatan penyelenggaraan jalan raya, sistem saliran dan meningkatkan program penghijauan bandar melalui program penyelenggaraan landskap.

Budaya menyelenggara yang baik dan sistematik adalah amat penting bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, di samping mampu menyumbang kepada penggunaan kos yang efisien. Tahap penyelenggaraan yang rendah akan menyebabkan berlakunya kerosakan, kebocoran, keruntuhan dan keretakan infrastruktur dan fasiliti yang boleh mengancam nyawa. Ia sekali gus boleh menjelaskan kepercayaan rakyat khususnya pembayar cukai Majlis.

Hal ini juga lama kelamaan menjadikan kos semakin tinggi sama seperti membina prasarana yang baru. Bajet 2015 Majlis akan dimanfaatkan sepenuhnya kepada penduduk dengan penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti, penjagaan alam sekitar, pembersihan dan pengindahan bandar serta pembangunan sosial.

Tumpuan khusus kepada budaya menyelenggara dalam Bajet 2015 boleh dilihat apabila ia dijadikan hala tuju utama bajet untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur yang memfokuskan kepada penyelesaian masalah sistem perparitan dan saliran. Sebanyak RM11.08 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja menaik taraf longkang dan kerja-kerja berkaitan bagi mengatasi masalah banjir di Petaling Jaya, RM20.48 juta untuk penyelenggaraan longkang dan saliran, penyelenggaraan bangunan, serta kemudahan awam di samping RM1.29 juga untuk cadangan melantik perunding untuk menyediakan Pelan Induk Sistem Saliran.

Kemampuan MBPJ bukan hanya dilihat kepada kemampuan menyediakan prasarana malah kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan secara berkala dan efisyen. Ia bertujuan untuk memastikan penduduk menikmati kemudahan yang selesa dan selamat daripada kecederaan atau kemalangan semasa menggunakan infrastruktur yang disediakan.

Majlis juga memperuntukkan sebanyak RM11.85 juta untuk penyelenggaraan lampu jalan, perabot jalan, menurap jalan, lampu hiasan dan lampu isyarat, RM24.26 juta untuk tempat kemudahan awam dan perniagaan, penyelenggaraan pejabat dan bangunan pula sebanyak RM7.11 juta manakala RM15.53 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap, menaik taraf landskap, pembangunan koridor hijau, pembangunan Taman Tasik Komuniti Kelana Jaya dan Taman Rimba Riang.

Majlis juga akan memastikan kontraktor yang dilantik, melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan dengan beretika, berkualiti dan sempurna. Diharapkan dengan meningkatnya budaya menyelenggara, Majlis akan berjaya mencapai matlamat menyediakan kemudahan awam yang baik, persekitaran yang kondusif dan selesa serta bersih.

### **3.4 OPERASI BERSEPADU**

Dasar Majlis untuk melaksanakan operasi bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terhadap Pusat Hiburan, Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan dan Hotel akan diteruskan. Pada 31 Disember 2014, Majlis telah melaksanakan operasi bagi mengatasi gejala sosial di seluruh kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Sebanyak 4 tindakan kompaun telah dilaksanakan di bawah Enakmen Hiburan, 4 sitaan di bawah Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan dan 35 tangkapan dibuat oleh pihak PDRM dan JAIS di atas pelbagai kesalahan.

## **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 11 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 11 Tahun 2014 bertarikh 22 Disember 2014 telah diluluskan tanpa pindaan.

**4.2 MINIT MESUARAT KHAS MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 1 TAHUN 2015 (PENGGAL 2014/2015) YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 JANUARI 2015.**

4.2.1 Minit Mesyuarat Khas Majlis bilangan 1 Tahun 2015 bertarikh 21 Januari 2015 telah diluluskan dengan pindaan bagi perkara berikut:-

Tambahan Minit bagi perkara 2.5.11 iaitu

2.5.11 Majlis akan menggunakan Waran Perjawatan MBPJ Bilangan 16 Tahun 2014 bertarikh 3 Disember 2014. Walaubagaimanapun Majlis akan meneruskan proses Carta Transformasi dan Bahagian Sumber Manusia diminta untuk menyediakan kertas untuk makluman Kerajaan Negeri dan penstrukturkan mengikut proses JPA.

Tambahan Minit bagi perkara 3.1.3 b(b) iaitu

b) Unit Audit Dalam dan Bahagian Sumber Manusia diminta untuk menyediakan kertas makluman kepada MTES berkaitan perkara yang telah kita laksanakan semasa proses Audit Dalaman.

**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 DISEMBER 2014.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.1.4	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW SIN</b> - berkenaan pembetulan dokumen MS 1184 : 2002 ditukar kepada MS 1184 : 2004 dalam minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).	Unit OSC telah membuat semakan dengan Jabatan Standard Malaysia dan mendapati bahawa dokumen <b>MS 1184: 2002 Code Of Practices And Access For The Disabled persons To Public Building (First Revision)</b> dan <b>MS 1331: 1993, Code Of Practice For Access For Disabled People Outside Buildings</b> , telah dibatalkan dan digantikan dengan <b>MS 1184: 2014 Universal Design And</b>

		<p><b>Accessibility In The Built Environment – Code Of Practice (Second Revision)</b> yang telah diterbitkan pada tahun 2014.</p> <p>Sehubungan itu, unit OSC mengambil maklum mengenai perkara ini dan mengambilkira dalam minit mesyuarat akan datang sekiranya pihak Majlis telah menggunakan dokumen MS 1181: 2014 Universal Design And Accessibility In The Built Environment – Code Of Practice (Second Revision) tersebut.</p> <p>Memandangkan KPKT telah memaklumkan kepada PBT untuk menggunakan dokumen ini, maka <u>mesyuarat memutuskan</u> agar selepas ini jabatan-jabatan berkaitan akan menggunakan <b>MS 1184: 2014 Universal Design And Accessibility In The Built Environment – Code Of Practice (Second Revision)</b> yang telah diterbitkan pada tahun 2014.</p>
--	--	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 14 JANUARI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (43)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.**

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 14 JANUARI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (61)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Lanskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 15 JANUARI 2015 DAN 21 JANUARI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (83)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (86)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 JANUARI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (91)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 19 JANUARI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (29)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 20 JANUARI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (63)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit, Pusat Sehenti, MBPJ.**



6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 20 JANUARI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (21)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 21 JANUARI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (27)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

## 7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

### 7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN

7.1.1 Beliau membangkitkan berkaitan isu 'Potholes' (jalan berlubang) di Petaling Jaya. Beliau berharap agar Petaling Jaya bebas daripada 'Potholes' pada penghujung bulan Januari 2015.

7.1.2 Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa perancangan bagi Petaling Jaya bebas 'Potholes' adalah seperti berikut:-

- a) Mengadakan Mesyuarat diantara Datuk Bandar dengan ADUN dan persatuan penduduk.
- b) Melantik 12 kontraktor di mana 1 kontraktor akan menjaga 2 zon Ahli Majlis.
- c) Ahli Majlis dan ADUN akan memantau kerja-kerja oleh kontraktor
- d) kerja-kerja menanda jalan untuk diturap telah bermula akan tetapi secara rasminya kerja-kerja menurap akan bermula pada 29 Januari 2015.

Sehubungan dengan itu, jalan yang ditanda akan diturap pada 31 Disember 2014 atau selewat-lewatnya minggu pertama bulan januari 2015.



Selain daripada itu, tiga (3) team `road gang' telah disediakan bagi mengatasi isu `Potholes' di Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH**

- 7.2.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada penganti YBhg. Datuk Bandar dan menyokong pandangan beliau di mana budaya penyelenggaraan perlu dititik beratkan. Penyelenggaraan adalah faktor utama dalam membangunkan sebuah bandaraya. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan terlibat akan mengaturkan, melihat dan mengambil tindakan ke atas isu-isu yang melibatkan penyelenggaraan.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan, MBPJ.**

- 7.2.2 Selain daripada itu walaupun `Potholes' masih dalam perancangan namun kerja-kerja di tapak telah berjalan mengikut perancangan dan jadual. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jalan 14/37 diberi keutamaan kerana jalan yang berlubang teruk dan serius.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANG MING ERN**

- 7.3.1 Berkaitan isu `Potholes' beliau berharap agar kerja-kerja menurap jalan perlu lebih profesional memandangkan sering terjadi jalan yang diturap berlubang balik dalam masa terdekat.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN**

- 7.4.1 Beliau mencadangkan agar Majlis mengkaji dasar belian tender terutama yang melibatkan tawaran harga terendah kerana kebanyakkan kontraktor yang ditawarkan berdasarkan modal terendah tidak dapat menjalankan kerja-kerja yang ditawarkan dengan baik memandangkan tidak mempunyai modal yang mencukupi.

**Tindakan : Jurukur Bahan, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHYUDDIN**

7.5.1 Beliau membangkitkan isu pungutan sampah yang melibatkan plastik berlainan warna. Beliau memaklumkan terdapat banyak aduan daripada penduduk berkaitan isu ini memandangkan kontraktor yang dilantik akan meninggalkan sampah yang bukan seliaannya seperti sampah kebun. Beliau berharap agar isu ini dapat diselaraskan di antara Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan Jabatan Landskap.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

7.5.2 Beliau turut membangkitkan isu jalan sebelah Sekolah Taman Datuk Harun yang masih dalam peringkat ‘tindakan jabatan lagi’.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING**

7.6.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Jabatan Kejuruteraan dan Pengarah Unit Aduan Awam kerana ada ‘task force’ bagi menangani masalah sisa-sisa longkang dan jalan berlubang di Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar terdapat penyelarasaran berkaitan mesyuarat di mana mesyuarat yang hendak diadakan bagi membincangkan perkara di atas hendaklah disekalikan dan diseragamkan. Beliau turut berharap agar Ahli Jawatankuasa yang dilantik datang ke mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan agar terdapat penyeragaman dari segi tindakan.

**Tindakan : Pengarah, Aduan Awam, MBPJ.**

7.6.2 Semasa pelancaran mobile apps C4 MycleanCity, YB. EXCO Tuan Ean Yong mencadangkan agar MBPJ bekerjasama dengan C4 mengenai MycleanCity. Sehubungan dengan itu beliau memaklumkan bahawa beliau sedang berusaha untuk mendapatkan surat daripada YB. EXCO bagi tujuan di atas.

**Tindakan : Makluman**

7.6.3 Beliau turut memaklumkan bahawa sistem aduan yang dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat akan berkeupayaan menyertakan gambar aduan berkuatkuasa mulai 2 Februari 2015. Beliau berharap agar kepuasan pelanggan dapat dicapai melalui sistem tersebut.

**Tindakan : Makluman**

**7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG**

7.7.1 Beliau berharap agar MBPJ dapat mengekalkan serta meningkatkan lagi pencapaian sebagaimana penganugerahan yang diterima diperingkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan-jabatan yang merancang kerja-kerja yang telah diluluskan dan masih dalam proses melakukan sebaik mungkin demi kepuasan hati penduduk Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

**7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD**

7.8.1 Dari segi carta transformasi yang telah diwujudkan di MBPJ banyak perubahan positif di mana terdapat pemusatan ke atas tindakan terhadap aduan seperti longkang, sampah, pokok dan lain-lain. Dengan adanya carta transformasi ini telah mengubah pandangan orang awam di mana sebelum ini satu-satu aduan yang hendak diselesaikan melibatkan banyak jabatan. Melalui carta transformasi ianya dipusatkan ke satu bahagian.

Walaubagaimanapun beliau melahirkan rasa kecewa memandangkan carta transformasi yang baru bermula telah tergendala memandangkan Majlis telah menerima waran baru dari JPA di mana Majlis akan menerima pakai waran tersebut. Harapan beliau agar carta transformasi ini diteliti semula dikemukakan kepada SUK untuk kelulusan berdasarkan waran JPA.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Bahagian Sumber Manusia),  
MBPJ.**

7.8.2 Beliau berharap agar budaya penyelenggaraan di MBPJ diberi keutamaan. Menurut beliau kalau jalan dan bangunan cantik, akan tetapi dari segi penguatkuasaan dan pengawasan serta penyelenggaraan tidak diurus dengan baik, maka apa yang kita rancang tidak akan tercapai.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

7.8.3 Beliau turut berharap agar semua jabatan memberi kerjasama sepenuhnya ke atas isu 'Potholes'. Sebarang perkara yang kurang memuaskan hendaklah diperbaiki dengan segera bagi menjamin kepuasan hati penduduk Petaling Jaya. Menurut beliau lagi, perancangan yang baik diperlukan untuk menjaga 'priority' di mana yang dulu hendaklah diutamakan.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.52 pagi. YBhg. Tuan Pengurus mengulas ucapan oleh YAB. Menteri Besar Selangor semasa Perhimpunan Pagi di SUK. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia mendapatkan teks ucapan tersebut (sekiranya boleh).

(**HAJI AHMAT MOHAAYEN BIN HAJI SAID**), AMN, AIS, PJK  
Timbalan Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 10 Februari 2015



**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

01. Tuan Puasa bin Md Taib,  
Pemangku Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Haji Ahmat Mohaayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha Bandaraya,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Tony Cheong Siew Thong,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Azri bin Mohamad Arish,  
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Oon Chong Ling,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Ang Ming Ern,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Azizi bin Ariffin,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Puan Sia Siew Sin, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.



**HADIR BERSAMA:**

01. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
02. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
03. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
04. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
05. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
06. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
07. Encik Badrulzaman bin Jaafar,  
Wakil Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
08. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
09. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
10. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
11. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam dan Korporat  
MBPJ.
12. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
13. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
14. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Ketua Unit Pusat Sehenti (OSC), MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah, Jabatan Sisa Pepejal & Permbersihan Awam, MBPJ.



16. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Ketua Unit,  
Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
17. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
18. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,  
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Encik Peter Chong Fook Meng,  
Wakil Ahli Parlimen Subang.
04. Encik Chan Kien Fatt,  
Wakil ADUN Damansara Utama.

**URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

